



---

## PERKHIDMATAN PENERBANGAN CHARTER PENUMPANG OLEH SYARIKAT PENERBANGAN DAFTARAN MALAYSIA (LOCAL CHARTER)

### 1. TUJUAN

1.1 Tujuan diadakan perkhidmatan penerbangan *charter* adalah untuk membolehkan sesebuah syarikat penerbangan daftaran Malaysia membawa penumpang-penumpang (warganegara Malaysia dan/atau bukan warganegara Malaysia) ke laluan-laluan di dalam negara (laluan domestik) atau ke luar negara (laluan antarabangsa). Perkhidmatan *charter* akan dapat menyokong perkhidmatan penerbangan berjadual secara *niche* seperti berikut:

- a) perkhidmatan *charter* membolehkan perkhidmatan penerbangan diadakan ke laluan-laluan yang tidak disediakan operasi oleh syarikat penerbangan berjadual;
- b) perkhidmatan *charter* juga membolehkan perkhidmatan penerbangan diadakan ke laluan-laluan yang mempunyai batasan kekerapan penerbangan berjadual disebabkan kekangan hak trafik bagi laluan-laluan antarabangsa. Sebagai contoh bagi laluan penerbangan Kuala Lumpur - Haneda, syarikat-syarikat penerbangan Malaysia hanya dibenarkan untuk mengadakan penerbangan 7 kali seminggu

sahaja. Memandangkan hak trafik telah digunakan sepenuhnya oleh syarikat-syarikat penerbangan Malaysia dan pada masa yang sama terdapat permintaan pasaran untuk penumpang mengadakan penerbangan ke Haneda, maka penerbangan *charter* ke Haneda pada masa puncak didapati dapat berfungsi untuk menyokong perkhidmatan penerbangan berjadual. Selain daripada itu, terdapat juga kemungkinan bagi syarikat-syarikat penerbangan berjadual untuk menghadapi kekangan teknikal seperti kekurangan pesawat dan kekurangan krew untuk menambahkan frekuensi penerbangan ke sesuatu destinasi sedangkan terdapat pasaran yang memberangsangkan bagi laluan tersebut. Dalam hubungan ini, perkhidmatan *charter* juga dilihat dapat bertindak untuk menyokong perkhidmatan penerbangan berjadual; dan

- c) perkhidmatan *charter* turut menawarkan pakej pelancongan yang mana perkhidmatan tersebut tidak disediakan oleh syarikat penerbangan berjadual. Dengan ini adalah diharapkan perkhidmatan penerbangan *charter* (dalam negara) dapat memangkinkan lagi perkembangan sektor pelancongan negara.

## 2. KELAYAKAN PEMOHON

2.1 Hanya syarikat penerbangan dari Malaysia yang berdaftar dan memiliki *Air Service Permit (ASP)* atau *Air Service Licence (ASL)* yang dikeluarkan oleh Jabatan Penerbangan Awam (DCA) Malaysia yang layak memohon untuk menyediakan perkhidmatan penerbangan *charter* bagi membawa penumpang warganegara Malaysia dan /atau bukan warganegara Malaysia ke laluan-laluan di dalam negara (laluan domestik) atau keluar negara (laluan antarabangsa).

## 3. SYARAT-SYARAT

3.1 Perkhidmatan penerbangan *charter* tidak boleh memberi persaingan kepada perkhidmatan berjadual yang sedia ada dengan menawarkan perkhidmatan penerbangan yang menyerupai ciri-ciri perkhidmatan penerbangan berjadual seperti berikut:

- a) mempunyai jadual perjalanan yang tetap dan berkala seperti penerbangan berjadual; dan
- b) menjual tiket penerbangan tanpa pakej pelancongan.

3.2 Perkhidmatan penerbangan adalah berasaskan *point-to-point basis* sahaja. Sebagai contoh Kuala Lumpur-Chengdu

v.v. bagi laluan antarabangsa dan Kuala Lumpur – Penang  
v.v. bagi laluan domestik.

- 3.3 Penerbangan *charter* penumpang adalah secara *Inclusive Tour Charter* (ITC) sahaja seperti mana definisi ITC oleh ICAO (Berdasarkan ICAO, ITC merujuk kepada penerbangan *charter* yang mana keseluruhan atau separuh daripada kapasiti pesawat di sewakan bagi tujuan membawa penumpang yang telah membeli pakej *inclusive tour* termasuk penginapan serta urusan pergerakan/logistik di destinasi daripada syarikat pelancongan).
- 3.4 Tidak boleh *up-lift* penumpang tambahan sama ada untuk laluan domestik atau laluan antarabangsa. Syarikat penerbangan hanya dibenarkan untuk membawa penumpang yang telah diistiharkan di dalam *passenger manifest* sahaja.
- 3.5 Syarikat penerbangan perlu menggunakan perkhidmatan *ground handler* yang telah diluluskan oleh Kerajaan Malaysia bagi operasi di semua lapangan terbang di Malaysia.

## 4. PENALTI

- 4.1 Sekiranya mana-mana syarikat penerbangan yang telah diluluskan permohonan *charter* melanggar mana-mana

syarat-syarat yang telah ditetapkan di perenggan 3 di atas, tindakan yang sewajar boleh diambil seperti berikut:

- (i) kelulusan yang diberikan akan ditarik balik; dan/atau
- (ii) syarikat penerbangan tersebut akan disenaraihitamkan.

## 5. CARA-CARA MEMOHON

- 5.1 Setiap permohonan mestilah dibuat melalui borang [AT004](#).
- 5.2 Borang permohonan yang telah lengkap diisi perlulah dikemukakan secara bertulis atau elektronik kepada Jabatan Penerbangan Awam (DCA) **selewat-lewatnya 14 hari bekerja dari tarikh cadangan penerbangan** dengan menyertakan dokumen-dokumen sokongan seperti berikut:
  - a) salinan ASP/ASL yang dikeluarkan oleh DCA Malaysia;
  - b) surat aku janji (*Letter of Commitment*) bahawa syarikat penerbangan tidak akan menurun dan membawa penumpang selain daripada penumpang yang diisytiharkan di dalam *passenger manifest*;
  - c) *passenger manifest* yang lengkap;

- d) salinan *aircraft insurance*;
- e) salinan dokumen pengesahan slot mendarat & berlepas dari *Airport Coordination* Malaysia bagi mana-mana penerbangan ke/dari lapangan terbang di Malaysia; dan
- f) salinan *aircraft leasing agreement* (sekiranya berkaitan).

5.3 Selain daripada itu, syarikat penerbangan perlulah memastikan bahawa pihak syarikat penerbangan tidak mempunyai tunggakan Caj Kemudahan Pengebilan Udara (Air Navigation Facility Charges/ANFC) daripada DCA. Sekiranya ada, pemohon perlu menyelesaikan tunggakan sebelum permohonan diproses.

5.4 Permohonan akan diproses selepas syarikat-syarikat penerbangan memenuhi semua syarat-syarat yang ditetapkan di perenggan 3, 4 dan 5.1 hingga 5.3 di atas.

## **6. PEMBERITAHUAN KEPUTUSAN**

6.1 Selepas menerima permohonan yang lengkap, DCA akan memaklumkan keputusan permohonan kepada pemohon melalui telex/fax/email/pos **selewat-lewatnya 3 hari sebelum tarikh cadangan penerbangan.**